

# Kongres Pendidikan Bumiputera bina semula trajektori bangsa

● Malaysia kini setanding negara seperti Perancis dan Hong Kong, malah atasi Sepanyol dari segi bilangan universiti dalam kelompok berkenaan, sistem pendidikan tinggi negara berada pada landasan kompetitif

● Penekanan turut diberikan kepada reformasi menyeluruh pendidikan prasekolah, termasuk peningkatan peruntukan, bagi memastikan jurang pendidikan dapat ditangani sejak peringkat awal



Oleh Prof Dr Ahmad Martadha Mohamed  
bhrencana@bh.com.my

Mengikuti secara langsung perjalanan Kongres Pendidikan Bumiputera (KPB) 2026 bersama ribuan ahli akademik dan hadirin lain Jumaat lalu, saya melihat penganjuran kongres ini sebagai satu detik penting dalam usaha merangka semula hala tuju pendidikan Bumiputera dalam era global semakin kompleks dan mencabar.

Naib Canselor  
Universiti Utara  
Malaysia (UUM)

Dalam landskap dunia dipacu teknologi,

kecerdasan buatan (AI) dan persaingan bakat antarabangsa, pendidikan Bumiputera menjadi isu strategik negara yang berkait langsung dengan mobiliti sosial, daya saing ekonomi serta kestabilan jangka panjang. Justeru, kongres ini hadir tepat pada waktunya sebagai platform penyelarasan dasar berimpak nasional.

Ucapan perasmian oleh Menteri Pendidikan Tinggi selaku pengerusi kongres, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, menetapkan asas yang jelas kepada keseluruhan kongres.

Penegasan beliau bahawa pembangunan pendidikan mesti dibina melalui perancangan strategik tersusun, reformasi berani serta kesungguhan politik jelas, mencerminkan komitmen kukuh terhadap transformasi sistem pendidikan negara.

Perjalanan kongres memperlihatkan struktur tersusun dan berfokus, bermula dengan sesi utama menilai dasar pendidikan Bumiputera secara kritikal. Perbincangan ini membuka ruang kepada penilaian jujur, khususnya terhadap kelemahan pelaksanaan dan ketidakselarasan antara dasar dirangka dengan realiti sebenar di lapangan.

## Cabaran pendidikan perlu pendekatan bersepadu


Sesi selari yang berlangsung selepas itu memperincikan jurang yang wujud dalam pelbagai dimensi pendidikan, termasuk pengarusperdana aliran tahfiz, pemerkasaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), pendidikan awal kanak-kanak serta mekanisme pembiayaan melalui wakaf pendidikan. Semua perbincangan ini menunjukkan cabaran pendidikan Bumiputera adalah bersifat sistemik dan memerlukan pendekatan lebih bersepadu serta menyeluruh.

Antara pembentangan menarik ialah daripada Pengerusi Majlis Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Prof Emeritus Datuk Seri Dr Zaini Ujang, yang memberikan pujian kepada Menteri Pendidikan Tinggi atas kejayaan meletakkan lima universiti Malaysia dalam kelompok 200 terbaik dunia berdasarkan QS World University Rankings 2025.

Hakikat Malaysia kini setanding dengan negara seperti Perancis dan Hong Kong, malah mengatasi Sepanyol dari segi bilangan universiti dalam kelompok berkenaan, menunjukkan sistem pendidikan tinggi negara berada pada landasan kompetitif.

Dalam konteks lain, pembentangan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof Datuk Dr Azlinda Azman, juga amat signifikan kerana memberikan fokus kepada usaha membantu mereka yang berada di luar sistem pendidikan tinggi.

Beliau bukan sahaja menekankan keperluan



Kongres Pendidikan Bumiputera (KPB) 2026 yang diadakan di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia (WTC), Kuala Lumpur Jumaat lalu sebagai satu detik penting dalam usaha merangka semula hala tuju pendidikan Bumiputera.

memperkuh pembelajaran berasaskan industri, malah berterima kasih dengan Kementerian Pertahanan diketuai Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin yang menyambut inisiatif KPT bagi beri peluang kepada bakal pesara tentera untuk mengikuti pengajian diploma bersifat 'work-based learning' dengan institusi seperti Univesriti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Pada masa sama, Azlinda wajar dipuji kerana berani mengemukakan cabaran terbuka kepada kementerian lain dan sektor industri untuk turut menyahut pendekatan ini. Penegasan ini mengambarkan agenda pendidikan masa depan tidak boleh dipikul oleh satu kementerian sahaja, tetapi memerlukan kerjasama menyeluruh merentas kerajaan dan industri.

Kemuncak KPB 2026 adalah penghasilan lapan resolusi utama mencerminkan kesepakatan pelbagai pihak dalam memperkasa pendidikan Bumiputera. Resolusi berkenaan menegaskan keperluan untuk menubuhkan Majlis Tahfiz Negara sebagai badan penyelarasan tahfiz pada peringkat nasional di samping memberi fokus kepada pembangunan model Tahfiz Pencipta dan Tahfiz Hibrid yang mengabungkan hafazan dengan kemahiran moden.

Pada masa sama, penubuhan Suruhanjaya TVET Negara dicadangkan sebagai badan induk untuk menyelaraskan dan memperkuh ekosistem TVET yang kini berselerak di pelbagai kementerian dan agensi.

## Reformasi menyeluruh pendidikan

Penekanan turut diberikan kepada reformasi menyeluruh pendidikan prasekolah, termasuk peningkatan peruntukan, bagi memastikan jurang pendidikan dapat ditangani sejak peringkat awal.

Penubuhan Wakaf Pendidikan Bumiputera juga dicadangkan sebagai satu mekanisme pembiayaan alternatif mampan, yang boleh menyokong kelangsungan pendidikan golongan rentan

secara jangka panjang.

Ucapan penutup Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, pula telah memperkuh dimensi pelaksanaan dengan menekankan keperluan merombak ekosistem pendidikan bagi menangani isu ketidakpadanan pekerjaan dalam kalangan siswazah.

Dalam ucapannya, beliau turut menggariskan keperluan untuk memperkasa TVET secara besar-besaran sebagai laluan utama yang berprestij di samping memperkenalkan sistem pendidikan pelbagai haluan lebih fleksibel dan tidak menseragamkan potensi pelajar.

Selain itu, beliau menekankan kepentingan menyatukan Wakaf Pendidikan Bumiputera sebagai sumber pembiayaan jangka panjang lebih teratur.

Beliau juga menekankan keperluan memperkuh pendidikan akhlak dan kenegaraan dalam sistem pendidikan bagi membentuk generasi berintegriti dan berpegang kepada nilai. Lebih penting, cadangan penubuhan Sekretariat Tetap Kongres memberikan jaminan bahawa segala resolusi tidak akan terhenti sebagai dokumen semata-mata, tetapi akan dipantau dan dilaksanakan secara berterusan.

Paling mengujakan ialah langkah proaktif beliau untuk membawa resolusi penubuhan Majlis Tahfiz Negara ke Mesyuarat Jemaah Menteri dalam tempoh terdekat yang wajar dipuji sebagai manifestasi komitmen politik yang jelas dan kesungguhan kerajaan dalam mengarusperdanakan pendidikan tahfiz secara strategik serta bersepadu dalam sistem pendidikan negara.

Akhirnya, kejayaan KPB 2026 tidak hanya terletak pada jumlah kehadiran melebihi 5,000 peserta tetapi pada keupayaannya menghimpunkan pelbagai pemegang taruh dalam satu kerangka terselaraskan.

Kini, cabaran sebenar terletak pada keupayaan untuk menterjemahkan segala resolusi kepada tindakan. Seperti ditegaskan Zambry, segala dapatan tidak boleh kekal sebagai retorik atau dokumen semata-mata.